

Belia perlu **versatil** menceburi bidang keusahawanan



Oleh: Dr. Zuraina Ali,
Pensyarah Kanan, KTP Trans-B
(Modul Keusahawanan)
zuraina@ump.edu.my

Tuntutan kerja dewasa ini banyak memerlukan para belia untuk berdikari walaupun ada dalam kalangan mereka yang telah bergraduat daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Terdapat juga antara mereka yang meminati bidang keusahawanan namun kurang arif akan ilmu yang perlu dituntut untuk menguasai bidang ini.

Di dalam seminar Keusahawanan Belia anjuran Majlis Belia Negeri (MBN); Timbalan Pengerusi Focus Group Pembangunan Belia, Wanita dan Kesejahteraan Rakyat, Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang Muhamad Yusoff Mohd Noor, dalam ucapannya menegaskan bahawa para belia perlu menjalani transformasi minda untuk berjaya dalam bidang keusahawanan. Justeru, amalan sikap positif dan budaya kecemerlangan perlu dipupuk di dalam diri setiap para belia. Walau bagaimanapun, cabaran utama menerokai bidang ini ialah untuk menjadi versatil sebagai seorang usahawan. Huraian seterusnya membincangkan pendekatan yang praktikal untuk menjadi seorang yang berbakat dalam bidang ini.

Salah satu cara untuk menjadi versatil dalam bidang keusahawanan adalah dengan memasarkan diri melalui penyertaan sebagai ahli dalam persatuan profesional. Para belia seharusnya aktif dalam aktiviti yang dijalankan

oleh badan keusahawanan profesional di dalam mahupun di luar negara. Mereka perlu menghadiri jamuan makan tengah hari atau makan malam sekali sebulan anjuran persatuan profesional bagi memupuk *people skills* dengan berkenalan dengan ahli baharu. Langkah ini secara langsung bukan sahaja dapat mendaftarkan diri para belia untuk menjadi ahli dalam badan keusahawanan profesional tetapi mereka juga dapat menambah kenalan yang mempunyai minat yang sama dalam bidang keusahawanan. Jadikan keahlian di dalam badan profesional ini sebagai ruang untuk bertukar pandangan dengan rakan-rakan baharu. Penyertaan mereka juga dapat memberi peluang untuk menyertai bengkel yang diadakan oleh persatuan tersebut.

Melibatkan diri dalam bidang penulisan adalah salah satu cara untuk menjadi seorang usahawan versatil. Idea yang dilahirkan melalui penulisan dapat mencipta peluang untuk mereka lebih dikenali dan seterusnya membuka ruang untuk bergiat dalam bidang keusahawanan. Malahan dengan kerajinan para belia menulis, idea mereka akan dapat dijual di mana-mana. Untuk mendapatkan idea penulisan, pengalaman belia sendiri berkecimpung dalam bidang keusahawanan adalah modal utama. Idea mereka ini

seterusnya boleh dimuatkan di dalam buku, e-book dan rakaman audio. Dengan menulis, para belia sebenarnya dapat merebut peluang kedua jika mereka mampu memberi ceramah atau menjadi fasilitator dengan menengahkan idea yang ditulis oleh mereka. Bahkan, menjadi penceramah merupakan jalan pintas untuk para belia menjadi seorang pakar dalam bidang keusahawanan. Mereka boleh memulakan langkah untuk berkecimpung sebagai penceramah dengan menghubungi pertubuhan keusahawanan ataupun memberi ceramah secara percuma.

